

ASK 4K – INTEGRASI SENI DAN TEKNOLOGI DALAM PdP

DR. HASLINDA HASAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



ABSTRAK

- Seni bukan sahaja dapat mempengaruhi individu dalam membina tingkah laku, tetapi dapat juga memberikan galakan dan membantu proses pembelajaran seumur hidup secara menyeluruh. Aktiviti seni lakonan ialah salah satu teknik pengajaran dari cabang seni yang boleh digunakan dalam proses pembelajaran dan pengajaran (PdP). Lakonan dapat membantu interaksi dan komunikasi yang sangat berkesan.
- Integrasi seni dan teknologi dalam PdP telah digunakan dalam proses penilaian bagi kursus BG31803 – Pemasaran Perkhidmatan. Pelajar perlu membentangkan kajian kes pemasaran perkhidmatan mereka dalam bentuk drama muzikal secara maya di platform Youtube. Elemen ASK (*attitude, skills, knowledge*) dan 4K (komunikasi, kolaboratif, kritis, kreatif) perlu ditunjukkan dalam tugas ini.
- Hasil daripada integrasi seni dan teknologi pelajar memperlihatkan kreativiti mereka dalam menyampaikan tugas dan mereka juga berhasil mencapai objektif pembelajaran yang telah ditetapkan.

PENGENALAN


- Projek **ASK 4K – Integrasi Seni dan Teknologi dalam PdP** telah dilaksanakan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) kursus BG31803 Pemasaran Perkhidmatan. Kursus ini ditawarkan kepada pelajar tahun akhir Program Pemasaran di Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), UMS.
- Kuliah telah dikendalikan secara *segerak* dan *tidak segerak* melalui platform Microsoft Teams, Google Meets, *Smartv3UMS* dan aplikasi Telegram. Pelajar dinilai secara berkumpulan melalui pembentangan bertemakan muzikal secara berkumpulan, topik pembentangan berkaitan Pemasaran Perkhidmatan juga telah dipersetujui oleh kedua pihak (pengajar dan pelajar) sejak awal semester.

OBJEKTIF

- Projek ini diilhamkan daripada ASK Model – Attitudes (Sikap), Skills (Kemahiran), Knowledge (Pengetahuan) dan dipaksikan kepada 4K (komunikatif, kolaboratif, kritis, kreatif). PdP ini menggunakan Nerstrom Transformative Learning Model yang disarankan oleh Norma Nerstrom (2014) iaitu model baharu berdasarkan teori asal oleh Jack Mezirow.
- **Objektif :**
Memupuk kerjasama dan mengembangkan kreativiti pelajar semasa melaksanakan tugas berkumpulan.

CARTA ALIR IDEA INOVASI

MODEL ASK 4K 1N



PEMBUKTIAN



PEMBUKTIAN

Hasilnya:

- Pelajar dapat menterjemahkan maklumat (pengetahuan) melalui aktiviti lakonan mereka menggunakan ASK (*attitude, skills, knowledge*).
- Kreativiti yang dipamerkan mengaplikasikan 4K (komunikatif, kolaboratif, kritis, kreatif), membantu penyampaian maklumat (pengetahuan) dengan lebih jelas kepada rakan sekelas.
- Tugas berbentuk integrasi seni dan teknologi mampu mencapai objektif pembelajaran yang telah ditetapkan iaitu menilai sikap dan meningkatkan kemahiran sosial pelajar kursus BG31803 – Pemasaran Perkhidmatan.

KESIMPULAN

- Secara keseluruhannya pelaksanaan penilaian PdP ini telah berjaya menyubur dan memberi nilai tambah kepada pelajar kursus ini dari segi kesarjanaan untuk meneroka warna sebenar dunia luar berkaitan pemasaran perkhidmatan.
- Pelajar bukan sahaja mendapat pengetahuan tetapi juga berjaya menghasilkan tugas penilaian yang mengintegrasikan seni dan teknologi dalam proses PdP mereka.

RUJUKAN

- Christie, M., Carey, M., Robertson, A., & Grainger, P. (2015). Putting transformative learning theory into practice. *Australian Journal of Adult Learning*, 55(1), 10-30
- Mezirow, J. (2009). Transformative learning theory. In J. Mezirow, and E. W. Taylor (Eds), *Transformative Learning in Practise: Insights from Community*.
- Nerstrom, N (2014). "An Emerging Model for Transformative Learning," Adult Education Research Conference.